



SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/05/76 (HQ)

TNB MEMPERTEGUH KOMITMEN UNTUK BANTU PEMULIHAN EKONOMI

- Prestasi kewangan kekal kukuh sepanjang tahun mencabar untuk mencapai pulangan yang baik
- Pelaburan CAPEX lebih besar untuk menambah baik grid bagi menyokong peralihan tenaga

Tenaga Nasional Berhad (TNB) kekal teguh dalam usahanya meneruskan pelaburan terhadap peralihan tenaga bagi menyokong usaha kerajaan membina semula ekonomi yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Pengerusi TNB, Dato' Seri Mahdzir Khalid berkata langkah-langkah yang dilakukan kerajaan serta pelancaran program vaksinasi telah memberi satu petanda optimis bahawa ekonomi negara akan kembali rancak berbanding tahun 2020, seterusnya meningkatkan permintaan terhadap bekalan elektrik.

"TNB juga menasaskan untuk mempertingkatkan kecekapan industri dan menambah baik pengalaman pelanggan, dalam masa yang sama mempromosikan penggunaan tenaga mampan untuk mengimbangi kemampuan dan keselamatan sistem grid," katanya pada Mesyuarat Agung Tahunan ke-31 TNB di Ibu Pejabat TNB di Bangsar, Kuala Lumpur, hari ini.

Mesyuarat itu dilakukan secara dalam talian bagi memastikan keselamatan dan kesihatan pemegang saham terjamin berikutan pandemik COVID-19 yang masih berleluasa. Turut hadir pada mesyuarat ialah Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din, ahli Lembaga Pengarah yang lain serta pengurusan tertinggi TNB.

Menjelaskan bahawa tahun 2020 sebagai antara tahun paling mencabar sejak krisis ekonomi 2008, Mahdzir berkata "TNB telah membuktikan kecekalannya yang bertunjangkan etos perkhidmatan dan khidmat kepada negara. Dalam tempoh yang mencabar dan luar biasa ini, keutamaan kami bertumpu kepada memberikan khidmat kepada negara dan rakyat, di samping menjaga keselamatan dan kesejahteraan warga kerja kami."

Beliau berkata, sejajar dengan penguncupan KDNK, permintaan dan jualan elektrik di Semenanjung turut menyusut tahun lalu. Bagaimanapun, prestasi Kumpulan kekal kukuh untuk memenuhi polisi pembayaran dividen antara 30% hingga 60% berdasarkan Pelarasan Keuntungan Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti (PATAMI).

Selain pemberian dividen 22 sen sesaham, Lembaga Pengarah juga meluluskan dividen akhir satu peringkat sebanyak 18 sen sesaham dan dividen khas sebanyak 40 sen sesaham. Ini menjadikan jumlah dividen sebanyak 80 sen sesaham, dengan jumlah bayaran RM4.56 bilion. Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din berkata meskipun berdepan dengan cabaran getir pada tahun 2020, TNB terus menyampaikan perkhidmatan terbaik, memberi pulangan kepada pemegang saham dan berkhidmat kepada negara.

“Meskipun berdepan dengan cabaran, prestasi kami boleh dibanggakan. Ia didukung strategi tangkas yang kritikal ketika pandemik bagi membolehkan kami menyediakan bekalan elektrik yang selamat dan berdaya harap, dengan cara yang lestari untuk persekitaran, dan pada kos yang berpatutan kepada semua pemegang taruh. Ini akan menjadi fokus kami selepas ini,” katanya.

TNB terus tampil dengan prestasi operasi bertaraf dunia pada tahun 2020. Kumpulan berjaya mencapai Indeks Tempoh Purata Gangguan Sistem (SAIDI) 44.95 minit per pelanggan setahun, berbanding 48.13 minit pada tahun 2019. Minit Sistem meningkat kepada 0.0806 minit, 70.2% lebih baik berbanding 0.2707 minit pada tahun 2019.

“Prestasi kami tahun ini adalah yang terbaik setakat ini. Untuk mencapainya ketika pandemik melanda mencerminkan komitmen dan dedikasi warga kerja kami,” jelas Baharin.

Beliau berkata, sebagai syarikat yang mengutamakan kepentingan pemegang taruh, amat kritikal bagi TNB untuk kekal berdaya tahan dari segi kewangan dan teknikal berdasarkan percaturan strategi yang mantap.

“Tahun 2020 adalah titik pertengahan perjalanan strategik Reimagining TNB (2016-2025). Dengan pertumbuhan pesat peralihan tenaga global, kami mengkaji bagaimana TNB mampu memperkukuh kedudukannya dalam lapangan tenaga masa hadapan dan seterusnya mengatur semula strategi kami.

“Sejajar dengan aspirasi yang diperbaharui ini, pencapaian kami setakat ini membuktikan komitmen kami untuk menjadi pembekal terunggul solusi tenaga mampan.”

TNB telah mengguna pakai teknologi baru RE seperti solar, angin, biojisim dan biogas yang diterjemahkan kepada kapasiti penjanaan sebanyak 713.2MW. Pemasangan meter pintar di premis-premis di Semenanjung Malaysia telah mencapai 1.1 juta setakat Mac 2021, sejajar dengan penambahbaikan infrastruktur elektrik oleh TNB untuk membolehkan integrasi teknologi baru.

Usaha berterusan anak syarikat milik penuh TNB, GSPARX Sdn. Bhd. pula menyaksikan 689 kontrak pemasangan panel solar yang menyumbang kepada penjanaan tenaga hijau sebanyak 85 MWp.

S.A. 2021/05/76 (HQ)

“Kami telah menetapkan sasaran untuk meningkatkan kapasiti penjanaan RE kepada 8,300MW menjelang 2025 yang didukung inisiatif di peringkat tempatan dan antarabangsa. Setakat Mac 2021, kami mencapai 3,402MW kapasiti RE, 2,736MW daripadanya di Malaysia manakala 666MW di peringkat antarabangsa.

“Sebagai pelengkap kepada sasaran ini, pendapatan daripada RE dijangka mencatatkan pertumbuhan kepada 10% pada 2025 daripada 4% pada 2020. Kami juga menjangkakan pendapatan daripada pelaburan dalam inisiatif berkait peralihan tenaga untuk berkembang daripada 4% kepada 9% pada 2025,” tambah Baharin.

Beliau menegaskan bahawa TNB kini melakukan pelaburan yang lebih besar bagi perbelanjaan modal (CAPEX) Kumpulan untuk penambahbaikan grid yang berperanan penting bagi menyokong inisiatif peralihan tenaga Malaysia.

“Di bawah inisiatif Grid Masa Hadapan, kami meningkatkan perbelanjaan modal (CAPEX) untuk menambah baik infrastruktur kami bagi menyokong peralihan tenaga di Malaysia.

“Perbelanjaan modal dikawal selia berkaitan peralihan tenaga dijangka akan meningkat daripada 12.3% kepada 19.3% menerusi inisiatif yang dicadangkan dalam RP3. Pelaburan ini akan membolehkan integrasi RE yang lebih banyak ke dalam sistem,” jelas beliau.

TNB menutup Tahun Kewangan 2020 dengan Keuntungan Selepas Cukai (PAT) Kumpulan sebanyak RM3.6 bilion berbanding RM4.45 bilion tahun sebelumnya.

Pada mesyuarat agung tahunan itu, pemegang saham syarikat meluluskan resolusi yang dibentangkan Lembaga Pengarah.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 10 Mei 2021, jam 3:30 petang

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /

Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524

atau emel kami: media@tnb.com.my



Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan ke-31 secara dalam talian pada 10 Mei 2021 di Ibu Pejabat TNB Jalan Bangsar.

Hadir semasa mesyuarat itu, Pengerusi TNB, Dato' Seri Mahdzir Khalid (barisan hadapan, tengah), Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din (barisan hadapan, tiga kiri), ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan Tertinggi TNB.



Pengerusi TNB, Dato' Seri Mahdzir Khalid (tengah); Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Ir. Baharin Din (kanan) dan Chief Financial Officer, Nazmi Othman (kiri) melihat Laporan Tahunan Bersepadu TNB yang bertemakan 'Energising a Sustainable Tomorrow' semasa Mesyuarat Agung Tahunan ke-31 di Ibu Pejabatnya di Bangsar, Kuala Lumpur hari ini.